

Agihan zakat patut lebih meluas bantu mangsa banjir


Apabila masuknya bulan Oktober, penduduk di kawasan rendah dan terdedah dengan risiko banjir pasti berasa bimbang bencana akan berulang. Waktu ini pihak berkuasa, badan kebajikan dan sukarelawan pastinya sudah bersedia menghadapi situasi seumpama ini. Banyak juga muhasabah yang perlu dibuat bagi menghadapi banjir yang bakal tiba agar masalah yang berlaku pada masa lalu tidak berulang.

Ketika membantu mangsa banjir beberapa kawasan di daerah Kuantan pada tahun lalu, saya diajukan soalan oleh beberapa penduduk mengapakah tiada bantuan khusus daripada dana zakat kepada mangsa banjir? Persoalan ini timbul mungkin akibat daripada kurangnya maklumat berkenaan dengan peranan institusi zakat dalam situasi bencana seumpama ini.

Meskipun sukarelawan daripada institusi zakat turun padang dan bertungkus lumus membantu pada saat kecemasan, namun masih ramai mangsa banjir yang tidak mengetahui bahawa dana zakat digunakan dalam membantu mangsa banjir. Berpandukan maklumat diperoleh sebanyak RM500,000 daripada dana zakat negeri Pahang telah disumbangkan kepada mangsa banjir di Pahang pada tahun lalu. Ia belum dicampur dengan bantuan zakat dari negeri luar Pahang yang turut menyalurkan pelbagai bentuk bantuan kepada mangsa banjir.

Zakat bantu golongan memerlukan

Jika dibahaskan dari aspek hukum mungkin ada yang bertanya apakah golongan mangsa malapetaka seperti banjir termasuk dalam lapan asnaf zakat seperti yang dinyatakan dalam surah al-Taubah ayat 60? Jika diperhatikan secara sepintas lalu kita dapat tiada sebarang penekanan secara khusus dalam al-Quran khususnya dalam ayat zakat atau sedekah berkaitan dengan bantuan kepada mangsa malapetaka. Namun, adalah suatu yang mustahil, ibadah zakat yang disyariatkan dengan membawa hikmah membantu golongan yang memerlukan tidak ada



Wang zakat meringankan beban penduduk yang terjejas akibat banjir.

[GAMBAR HIASAN]

ruang bagi membantu mangsa bencana seperti banjir.

Allah SWT berfirman yang bermaksud: "Sesungguhnya zakat-zakat itu, hanyalah untuk orang fakir, orang miskin, pengurus zakat, muallaf yang dipujuk hatinya, untuk memerdekakan hamba, orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai sesuatu ketetapan yang diwajibkan Allah dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana." (Al-Taubah:60).

Meskipun secara harfiahnya perkataan malapetaka tidak dinyatakan dalam ayat berkenaan, namun sifat dan keadaan mangsa bencana boleh dinilai apakah mereka turut termasuk dalam golongan asnaf zakat. Sebagai contoh, biasanya selepas banjir mangsa akan berdepan dengan kerosakan harta benda, kemusnahan kenderaan yang menjadi keperluan asasi kehidupan dan kehilangan tempat tinggal. Semua situasi ini boleh dianggap memiliki ciri dan sifat sebagai fakir dan miskin yang termasuk dalam kategori asnaf zakat.

Ada juga situasi mangsa banjir terpaksa menanggung beban hutang bagi membina kembali kehidupan mereka akibat kemusnahan keperluan asas rumah dan situasi ini boleh diletakkan di bawah asnaf al-Gharimin. Kita juga mungkin terlepas pandang kepada petugas kerja penyelamat, memberi kaunseling dan

membersihkan kekotoran secara sukarela tanpa menerima apa-apa bayaran. Seharusnya mereka juga diberikan bantuan zakat dan boleh dimasukkan di bawah kategori asnaf Fi Sabilillah iaitu melaksanakan tugas bagi menyelamatkan umat Islam lain yang ditimpa musibah.

Patuhi prinsip asas agihan zakat

Dalam perbahasan agihan zakat meskipun pada dasarnya prinsip asas mesti dipatuhi seperti perlu mengikut turutan seperti dalam nas, agihan hendaklah dibuat dalam kawasan zakat dibayar, agihan perlu bersifat menyeluruh kepada semua lapan asnaf dan hendaklah dibayar dalam bentuk ain (contohnya binatang ternakan dan beras), namun ia masih tertakluk kepada situasi al-Ashaddu hajatan iaitu siapa yang paling terdesak memerlukan bantuan dana zakat.

Uthman Husein Abdullah (1989:140) dalam bukunya *Al-Zakah; Al-Dhoman al-Ijtimaie al-Islamiy* menjelaskan bahawa pembiayaan kepada kerja menyelamatkan umat Islam yang hidup melarat akibat ditimpa malapetaka seperti kemarau, banjir, kelaparan dan peperangan boleh dikategorikan di bawah asnaf Fi Sabilillah.

Bagi memastikan Maqasid al-Syariah (objektif pengsyariatkan sesuatu hukum) di sebalik pensyariatkan ibadah zakat tercapai seharusnya setiap institusi zakat lebih peka dalam melaksanakan agihan secara lebih meluas dan efektif serta menjalankan promosi agihan zakat seperti dilakukan kepada aspek kutipan. Pendekatan menamakan bentuk agihan zakat dengan gelaran yang tiada kaitan dengannya atau tidak menjelaskan bahawa bantuan itu adalah daripada harta zakat akan menyebabkan promosi agihan zakat menjadi kabur dan tidak jelas lantas menyebabkan masyarakat tidak mengetahuinya. Inilah antara punca timbulnya persepsi negatif yang boleh menyebabkan usaha murni institusi zakat dalam mengutip dan mengagihkan zakat disalahertikan.



Penulis

ialah Pensyarah Kanan Universiti Malaysia Pahang



Mangsa menanggung kerugian harta benda akibat banjir.

[GAMBAR HIASAN]

→
**ZURIDAN
MOHD DAUD**